



MEMO
JABATAN INTEGRITI FELDA

Fail Kami: FELDA.UI.500-4/13/11(24)

Tarikh: 2 Februari 2021

Perkara	PENGISYTIHARAN HARTA PETUGAS FELDA	
Daripada	Jabatan Integriti FELDA	Salinan: 1. Pengarah Besar FELDA 2. Timbalan Pengarah Besar (Servis Korporat) 3. Timbalan Pengarah Besar (Operasi)
Kepada	Semua Petugas FELDA	

YBhg Dato'/Tuan/Puan,

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Hasil semakan oleh Jabatan Integriti mendapati tiada kawalan dalam pengisytiharan harta petugas-petugas FELDA dilakukan oleh Ketua Jabatan. Semua petugas FELDA hendaklah mengisytiharkan harta secara bertulis di dalam sistem HRMIS.

3. Mengikut Peraturan 9(1), Bahagian II, Jadual Kedua, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000, Akta 605 menyatakan seseorang pegawai hendaklah mengisytiharkan harta melalui ketua jabatannya, segala harta yang dipunyai olehnya atau isterinya atau suaminya atau anaknya atau yang dipegang oleh mana-mana orang bagi pihaknya atau bagi pihak isteri atau suaminya atau anaknya. Pengisytiharan harta juga dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2002 - Pemilikan dan Pengisytiharan Harta oleh Pegawai Awam.

4. Jabatan Integriti akan melakukan pemeriksaan dari semasa ke semasa melalui data yang diperolehi daripada sistem HRMIS bagi memastikan semua petugas FELDA mengisytiharkan harta yang sebetulnya. Mana-mana petugas yang gagal membuat pengisytiharan harta boleh diambil tindakan tatatertib di bawah Akta 605. Disamping itu, jika didapati ada penipuan dalam pengisytiharan harta, petugas tersebut boleh dikenakan tindakan tatatertib.

5. Oleh yang demikian, mohon pihak YBhg Dato'/Tuan/Puan mengambil tindakan yang sewajarnya dan memastikan tiada pelanggaran tata tertib berlaku. Sila pastikan semua pegawai bawahan masing-masing membuat pengisytiharan harta seperti yang ditetapkan. Segala kerjasama ke atas perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“PETUGAS BERINTEGRITI, PROAKTIF DAN SEDIA BERBAKTI”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHAMAD FAUZI BIN HUSIN)TPj
Pengarah Jabatan Integriti
FELDA